BERNAMA.COM
Beyond Headlines

Peniaga gigit jari, KPDNHEP rampas gula disimpan lebih had dibenarkan

KUALA LUMPUR, 7 Feb -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pejabat Kuala Lumpur merampas kira-kira 1.5 tan gula di dalam sebuah kedai di Sungai Besi, kerana peniaga berkenaan menyimpan stok gula melebihi had yang dibenarkan, Rabu lepas.

Pengarahnya, Ariffin Samsudin berkata semua gula yang dianggar bernilai RM4,377.60 itu disita dalam serbuan pada pukul 10 pagi oleh lima anggota penguatkuasa, hasil maklumat daripada orang awam.

"Kita telah merekod keterangan pemilik premis warga tempatan berusia lingkungan 30-an untuk siasatan lanjut,"katanya kepada pemberita di Stor KPDNHEP Kuala Lumpur, Kompleks Sentral, di sini hari ini.

"Lelaki itu mendakwa menyimpan gula melebihi had dengan alasan sempena musim perayaan selain hendak dibekalkan ke premis berhampiran," katanya dan menambah kes sedang disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

-- BERNAMA